

Takhrij dan Analisis Hadith-Hadith Kitab Jual Beli daripada Kitab Bulughul Maram Karya al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani

Mohd. Muhiden Abd. Rahman¹
Mohamad Azrien Mohamed Adnan²
Mohd. Bakhit Haji Ali³

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti sumber ambilan hadith-hadith 'Kitab Jual Beli' daripada Kitab Bulughul Maram min 'Adillat al-Ahkam' karya al-Hafiz ibn Hajar (m.852H) serta statusnya. Hadith-hadith tersebut akan dianalisis daripada aspek metode penulisan serta tanasub atau kesesuaiannya dalam bab-bab jual beli. Bagi mengenalpasti sumber dan status hadith, metode takhrij hadith berdasarkan tema akan digunakan. Manakala metode tahlili akan digunakan bagi menganalisis hadith dari segi kesesuaian tema-tema yang telah dibentuk. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 70% daripada hadith yang ditakhrij adalah sahih dan bersumberkan kitab-kitab hadith yang berautoriti dan muktabar. Sembilan puluh lima peratus daripada hadith yang dipilih adalah relevan dan sesuai dengan bab jual beli.

Kata kunci: Takhrij, hadith-hadith kitab jual beli, kitab Bulughul Maram

PENDAHULUAN

Al-Hadith merupakan asas dan sumber yang kedua dalam Islam selepas al-Qur'an, sekalipun ia saling perlu memerlukan antara satu sama lain dan kewajipan patuh dan beramal dengannya setaraf dengan al-Qur'an. Namun al-Qur'an telah tetap dan jelas kesahihannya sama ada secara umum atau detail, sedangkan al-Hadith telah tetap dan jelas kesahihannya secara umum tetapi tidak secara detail. Justeru terdapat sebahagian hadith yang boleh dijadikan hujah secara mutlak seperti hadith mutawatir dan sebahagian yang lain tidak boleh dijadikan hujah secara mutlak seperti hadith sahih dan daif. Malah terdapat sebahagian hadith yang wajib ditolak secara mutlak seperti hadith mawdu'. Oleh itu satu usaha penelitian terhadap sumber dan status hadith perlu dilakukan bagi mengenalpasti kesahihan dan autentik sesebuah hadith.

Takhrij hadith adalah salah satu disiplin ilmu hadith yang bermaksud suatu kaedah bagi menjelaskan sumber asal ambilan hadith serta kedudukan dan status hadith. Ia

¹ Mohd Muhiden Abd Rahman (PhD), Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan.

² Mohamad Azrien Mohamed Adnan (PhD), Guru Bahasa, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Mohd Bakhit Haji Ali (PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan.

merupakan satu amalan praktis yang mana ia mempertanggungjawabkan ke atas seorang pengkaji atau penulis dengan mendapatkan hadith daripada sumbernya yang asal, menganalisis lafaz-lafaznya yang pelbagai, dan sanad sanadnya yang bermacam-macam. Kemudian menyatakan pendapat dan pandangan ulama hadith tentang martabat dan kedudukan hadith dan periwayatnya. Ia merupakan suatu kajian yang meliputi sanad dan matan bagi mendapatkan natijah yang betul terhadap hadith tersebut. Ilmu ini dikatakan pencetus kepada barat dalam menghasilkan kaedah footnote dalam penulisan dan penyeldikan. Sumber asal di sini bermaksud kitab-kitab hadith yang bersanad bermula daripada penulis kitab hinggalah ke Rasulullah saw. Misalannya kitab sunan sittah, iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah. Justeru, semua kalangan ilmuan dan sarjana Islam baik dalam bidang syariah ataupun usuluddin amat memerlukan ilmu ini bagi memudahkan mereka dalam merujuk hadith Rasulullah saw dari sumbernya yang utama. Seterusnya dapat membuat penilaian yang tepat mengenai kedudukan hadith berdasarkan kepada penelitian terhadap sanad dan matan hadith. Hal demikian kerana kuat atau lemahnya sesebuah hadith akan menentukan sesuatu hukum. Berpunca dari kegagalan mereka menguasai ilmu ini boleh menyebabkan mereka berdalilkan dengan hadith-hadith da'if malah yang tidak diketahui sanad dan sumbernya.

Kesimpulannya pengaplikasian takhrij hadith dalam penulisan genre ilmiah seperti jurnal, disertasi, tesis atau buku khasnya dalam bidang pengajian Islam adalah satu keperluan. Takhrij lebih diperlukan kepada kitab-kitab hadith yang masyhur dan menjadi rujukan kebanyakan umat Islam. Antara kitab hadith yang paling masyhur dan menjadi rujukan ramai umat Islam tanpa mengiran mazhab ialah kitab `Bulughul Maram Min Adillat al-Ahkam` hasil karya al-Hafiz Ibn Hajar. Antara justifikasi pemilihan kitab ini selain dari kemasyhuran dan keistimewaannya, ialah kerana tidak kesemua hadith dinyatakan kedudukan dan statusnya. Oleh itu satu usaha perlu dilakukan bagi mentakhrij kesemua hadith-hadith yang terdapat dalam kitab `Bulughul Maram` dari sumber asal ambilannya secara detail. Kemudian satu analisis akan dilakukan terhadap hadith-hadith yang telah ditakhrij dari aspek status dan juga dari aspek metod penulisan hadith seta tanasub atau kesesuaiannya dalam bab-bab jual beli.

AL-HAFIZ IBN HAJAR DAN KITAB BULUGHUL MARAM

Al-Hafiz Ibn Hajar ialah Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Mahmud bin Ahmad bin Hajar al-Kinani al-Asqalani al-Misri al-Syafi'i, Qadi al-Qudah, Syaikhul Islam. Beliau digelar dengan nama Syihabuddin, dan kunyahnya Abu al-Fadl dan lebih dikenali dengan nama Ibn Hajar al-`Asqalani. Beliau dilahirkan pada 22 Sya'ban 773 H di Kaherah, Mesir. Al-Sakhawi salah seorang muridnya menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada 22 Sya'ban 770 H di tepi sungai Nil, di Mesir. Beliau mula jatuh sakit pada bulan Zulkaedah tahun 852H. Beliau wafat ketika usianya 77 atau 79 tahun pada malam Sabtu 28 Zulhijjah, setelah Solat Isyak. Jenazahnya disaksikan oleh lautan manusia, malah belum pernah ada setelah jenazah Ibn Taimiyah, yang lebih ramai disaksikan daripadanya sehingga dikatakan bilangannya mencecah 50,000 orang.⁴

Al-Hafiz Ibn Hajar telah menghabiskan usianya dengan menuntut ilmu dan menyebarkannya sama ada dengan lisan atau tulisan. Salah seorang murid beliau al-Sakhawi dalam kitab *Al-Diya' al-Lami'* menyatakan bahawa karya beliau melebihi daripada 150

⁴ Lihat Shams al-Din al-Sakhawi, 1999M/1419H, *al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Syaikhul Islam Ibn Hajar*, Tahqiq Ibrahim Bajis Abd al-Hamid, Beirut, Dar Ibn Hazm, 1:101-118. Al-Syaukani, 1348H, *al-Badr al-Tali` bi Mahasin Man Ba`d al-Qarn al-Sabi`*, Kaherah, Matba`ah al-Sa`adah, 1:78-92.

karya, manakala dalam kitab Al-Jawahir wa al-Durar dikatakan melebihi dari 270 karya. Hasil karya beliau mencakupi hampir kesemua disiplin ilmu seperti ilmu hadith riwayat dan dirayah, ilmu fiqh, sejarah, tauhid, tafsir, bahasa dan sebagainya. Antara yang paling masyhur ialah `Ithaf Al-Mahirah bi Atrah Al-`Asyarah, Ta`rif Ahli al-Taqdis bi Maratib al-Mausufin bi al-Tadlis, Taghliq al-Ta`liq, al-Talkhis al-Habir, Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari, al-Kafi al-Syafi fi Takhrij Ahadith Al-Kasyaf, Mukhtashar al-Targhib wa al-Tarhib, Al-Matalib al-Aliyah bi Zawaid Al-Masanid al-Thamaniyah, Tahdhib al-Tahdhib, Taqrib al-Tahdhib, Nukhbah al-Fikr fi Mustalah Ahli Al-Athar, Bulughul Maram Min Adillat al-Ahkam dan lain-lain⁵.

Nama lengkap kitab yang menjadi kajian ialah Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam. Ia merupakan kitab hadith tematik yang memuat hadith-hadith pilihan yang dijadikan sumber pengambilan hukum fiqh. Kitab ini menjadi rujukan utama khususnya bagi Mazhab al-Syafi'i dan ianya diantara kitab hadith ahkam yang paling masyhur. Malah ia menerima pengiktirafan para ulama dan penuntut ilmu tanpa mengira mazhab sehingga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia selain dari disyarah oleh berpuluh-puluh ulama. Ia mempunyai beberapa keistimewaan sehingga menjadi tumpuan dan rujukan kebanyakan umat Islam di seluruh dunia. Antara keistimewaannya ialah hadith-hadithnya kebanyakannya adalah hadith yang paling sahih selain dari hadith-hadith sahih. Hadith-hadith tersebut dikumpulkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar daripada beberapa buah kitab hadith yang muhtabar seperti Sunan Sittah, iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan at-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah. Selain Sunan Sittah, beliau juga memetik hadith-hadith dari kitab hadith masyhur yang lain seperti Musnad Ahmad, Mustadrak al-Hakim, Muwatta` Malik, Sunan al-Daraqutni, al-Sunan al-Kubra oleh al-Baihaqi dan lain-lain.

Metode yang digunakan oleh Ibn Hajar dalam menyusun kitab ini ialah metod tematik (*maudu'i*), iaitu berdasarkan *abwab al-Fiqh* atau tema-tema fiqh, bermula daripada Kitab Bersuci (*Taharah*) dan berakhir dengan Kitab al-Jami` (Kitab Kompilasi). Sistematika kitab seperti berikut :

- Dibahagikan kepada 16 Kitab (tajuk utama) bermula dengan *Kitab al-Taharah* (Kitab Bersuci) dan diakhiri dengan Kitab al-Jami` (Kitab Kompilasi), setiap kitab dipecahkan kepada bab (sub topik).
- Mengandungi sekitar 1500⁶ buah hadith sahih, hasan, bahkan da'if yang bertemakan fiqh.
- Membuang (*ta'liq*) sanad hadith kecuali pada peringkat sahabat dan mukharrij atau imam yang meriwayatkan hadith.
- Menyatakan sumber asal setiap hadith dan kadang-kadang beliau menyatakan status hadith.
- Kadang-kadang disertakan jalur-jalur periwayatan hadith secara ringkas dan menyebutkan lafaz-lafaz tambahan dari riwayat lain serta menjelaskan statusnya.
- Menjelaskan `illat atau justifikasi kedaifan sesebuah hadith, seperti 'padanya ada kelemahan', 'sanadnya lemah'...) atau dengan keterangan ulama, seperti "dinilai daif oleh Abu Hatim".
- Bagi menguatkan hadith, Ibn Hajar menyertakan beberapa *syahid* atau *mutabaat* dengan keterangan ringkas seperti menyebut sanad saja tanpa mengulang matan hadith.

⁵ <https://kisahmuslim.com/1255-ibnu-hajar.html>.

⁶ Ada yang mengatakan 1576, 1569, 1596 hadith dan lain-lain. Perbezaan ini berpunca daripada perbezaan kaedah dan cara menghitung hadith selain dari perbezaan cetakan.

- Menggunakan istilah tertentu dalam penyebutan sumber hadith seperti Muttafaq `Alaih, al-Thalathah, al-`Arba`ah, al-Khmash, al-Sabah dan lain-lain.

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini memfokuskan kepada dua aspek. Aspek pertama tentang takhrij hadith dan kedua mengenai status dan *tanasub* atau kesesuaian hadith dalam bab-bab Jual Beli. Selain itu kajian ini juga melihat metod penulisan dan periwayatan hadith yang digunakan al-Hafiz ibn Hajar. Ilmu Takhrij al-Hadith yang merupakan salah satu cabang Ilmu Hadith yang berbentuk amali atau praktikal bagi Ilmu Hadith dan mustalahnya. Ia berkait rapat dengan kajian sanad dan matan Hadith. Melalui ilmu ini seseorang akan didedahkan dengan pelbagai karya dan sumber utama dalam pengajian Hadith. Dengannya juga pengkaji boleh menjejaki tempat-tempat terletaknya hadith, mutabaat, syawahid, sama ada terletak pada rujukan asal atau tidak. Seterusnya dengan takhrij juga dapat mengetahui dan mengenalpasti status hadith sama ada diterima atau ditolak. Hal demikian kerana melalui takhrij keadaan sanad akan dijelaskan antara lain sama ada ianya bersifat *ittisal*, *inqita`*, *irsal*, *marfu`*, *mawquf*, *mutawatir*, *ahad*, *gharib*, *aziz* atau *masyhur* dan sebagainya.

Oleh kerana subjek kajian merupakan hadith-hadith dalam ‘Kitab Jual Beli’, maka metode takhrij yang akan digunakan adalah melalui kaedah mengetahui tema perbincangan hadith. Ia sedikit sebanyak memudahkan usaha-usaha mentakhrij hadith. Apatah lagi hampir kesemua hadith yang terdapat dalam Kitab Jual Beli telah dinyatakan sumber rujukannya sama ada daripada Sunan Sittah atau sebagainya. Ilmu yang berbentuk kaedah dan kemahiran ini terdedah kepada perkembangan sesuai dengan kemajuan teknologi dan ledakan informasi maklumat yang mengutamakan penggunaan komputer. Justeru bagi melancarkan lagi usaha takhrij ini, pengkaji akan menggunakan metode takhrij hadith terkini berdasarkan pengaruh fenomena ledakan teknologi maklumat dalam dunia penyelidikan takhrij hadith kontemporari iaitu metod takhrij berkomputer. Ia bermaksud dengan menggunakan perisian komputer bagi mentakhrij hadith-hadith berkenaan seperti perisian Maktabah Syamilah atau laman sesawang khusus bagi mentakhrij hadith seperti hadithonline, al-alukah.net dan sebagainya. Sementara penjelasan status hadith akan dilakukan terhadap semua hadith dengan berpanduan kepada penilaian yang dibuat oleh beberapa ulama hadith yang berautoriti. Antaranya ialah Abu Hatim al-Razi, al-Tirmidhi, al-Hakim, al-Munawi, Abu Daud, al-Nawawi, al-Syaukani, al-Hafiz Ibn Hajar, al-Suyuti, al-`Uqaili, al-`Ajluni dan tidak ketinggalan juga ulama semasa, seperti al-Albani, Syu`aib al-Arna`ut dan Abd al-Qadir al-Arna`ut. Walaupun demikian hanya status hadith yang dinyatakan tanpa menyebut justifikasinya kecuali sekiranya hadith-hadith tersebut daif. Maka akan dinyatakan `illat atau justifikasi kedaifannya.

Sementara metode yang digunakan bagi menganalisis hadith-hadith ‘Kitab Jual Beli’ adalah metod *tahlili* atau metod analitikal. Metod *tahlili* bermaksud suatu analisis yang dibuat terhadap hadith-hadith ‘Kitab Jual Beli’ secara menyeluruh yang merangkumi aspek *sanad* dan *matan* hadith. Analisis terhadap sanad hadith bertujuan mengenalpasti kaedah dan metode periwayatan hadith oleh al-Hafiz Ibn Hajar sama ada ianya bersifat *ta`liq*, *ittisal*, *inqita`*, *marfu`*, *mawquf*, *mursal* dan sebagainya. Manakala analisis terhadap matan hadith adalah bertujuan mengenalpasti kesesuaian hadith dalam ‘Kitab Jual Beli’ dan secara spesifik dalam sub topik atau bab-bab jual beli.

SISTIMEKA PENULISAN 'KITAB JUAL BELI'

'Kitab Jual Beli' atau Kitab al-Buyu` merupakan Kitab yang ketujuh daripada enam belas 'Kitab' yang terdapat dalam Kitab 'Bulughul Maram'. Sebelumnya adalah 'Kitab Haji' dan selepasnya 'Kitab al-Nikah'. Al-Hafiz Ibn Hajar membahagikan 'Kitab Jual Beli' ini kepada 22 'bab' bermula dengan 'Bab Syarat-Syarat dan Perkara Yang Dilarang Dalam Jual Beli' dan berakhir dengan 'Bab Wadi'ah'. Kemudian setiap 'bab' dimuatkan beberapa hadith mengikut kesesuaian. Bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Tajuk	Bil	Tajuk
1	Bab Syarat-Syarat dan Perkara Yang Dilarang Dalam Jual Beli	12	Bab Ghasb
2	Bab Khiyar	13	Bab Syuf'at
3	Bab Riba	14	Bab Qirad
4	Bab Rukhsah Dalam Jual Beli `Araya, Usul dan Thimar	15	Bab Musaqat dan Ijarah
5	Bab Jual Beli Salam, Qard dan Rahn	16	Bab Ihya` al-Mawat
6	Bab Taflis dan Hajr	17	Bab Waqaf
7	Bab Sulh	18	Bab Hibah, Umra Dan Ruqba
8	Bab Hawalah dan Damam	19	Bab Luqatah
9	Bab Syarikah dan Wakalah	20	Bab Faraid
10	Bab Ikrar	21	Bab Wasaya
11	Bab `Ariyah	22	Bab Wadi'ah

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada kajian yang dilakukan, terdapat sebanyak 191 buah hadith dalam 'Kitab Jual Beli' yang dimuatkan dalam 22 bab termasuk hadith yang berulang. Setiap bab sekurang-kurangnya mempunyai sebuah hadith seperti dalam 'Bab Wadi'ah' dan paling banyak mempunyai adalah 46 hadith sebagaimana dalam 'Bab Syarat dan Larangan Dalam Jual Beli'. Berikut adalah pecahan bilangan hadith mengikut bab beserta dengan sumber dan status setiap hadith. Bagi memudahkan perbincangan disebut pangkal setiap hadith.

Bil	Pangkal hadith	Bab	Sumber	Status	Perawi
1	عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ	Syarat dan Larangan Jual Beli	MB dan MH	Sahih	
2	إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ	"	SB/SM	Sahih	
3	إِذَا اخْتَلَفَ الْمُتَبَايعَانِ لَيْسَ بَيْنَهُمَا بَيِّنَةٌ	"	ST/SAD/SN/SIM/MA	Sahih	
4	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ ثَمَنٍ	"	SB/SM	Sahih	
5	أَنَّهُ كَانَ يَسِيرُ عَلَى جَمَلٍ لَهُ قَدْ أَغْيَا	"	SB/SM	Sahih	
6	أَعْتَقَ رَجُلٌ مِّنَّا عَبْدًا لَهُ عَنْ دُبُرٍ	"	SB/SM	Sahih	
7	أَنَّ فَارَةَ وَقَعَتْ فِي سَمْنٍ، فَمَاتَتْ فِيهِ	"	SB/SN	Sahih	
8	إِذَا وَقَعَتْ الْفَارَةُ فِي السَّمْنِ	"	MA/SAD	Sahih	
9	سَأَلْتُ جَابِرًا عَنْ ثَمَنِ السِّنُورِ وَالْكَأْبِ	"	SM/SN	Sahih	
10	جَاءَنِي بَرِيرَةٌ، فَقَالَتْ: كَاتَبْتُ أَهْلِي	"	SB/SM	Sahih	
11	نَهَى عُمَرُ عَنْ بَيْعِ أُمَّهَاتِ الْأَوْلَادِ	"	MM/SKB	Sahih	
12	كُنَّا نَبِيعُ سَرَائِنَا، أُمَّهَاتِ الْأَوْلَادِ،	"	SN/SIM/SD	Sahih	

Bil	Pangkal hadith	Bab	Sumber	Status	Perawi
13	نَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنْ بَيْعِ فَضْلِ الْمَاءِ	"	SM	Sahih	
14	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ عَسَبِ الْفَحْلِ	"	SB	Sahih	
15	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ حَبْلِ	"	SB/SM	Sahih	
16	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْوَلَاءِ	"	SB/SM	Sahih	
17	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ،	"	SM	Sahih	
18	مَنْ اشْتَرَى طَعَامًا فَلَا يَبِيعُهُ حَتَّى	"	SM	Sahih	
19	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعَتَيْنِ فِي	"	ST/SN/MA/SAD	Sahih	
20	لَا يَجُلُ سَلَفٌ وَيَبِيعُ وَلَا شَرْطَانِ فِي	"	MA/ST/SAD/SN/SIM/MH	Hasan	
21	نَهَى عَنْ بَيْعِ وَشَرْطِ	"	MH/MT	Daif	
22	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الْعَرْبَانِ	"	MM/SAD	Daif	
23	إِثْنَعَشْرَ زَيْتًا فِي السُّوقِ، فَلَمَّا اسْتَوْجِبَ	"	SAD/MA/MH/SIH	Sahih	
24	قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي أَبِيعُ بِالْبَقِيعِ،	"	ST/SAD/SN/SIM/MA/MH	Daif	
25	نَهَى ﷺ عَنِ النَّجْشِ	"	SB/SM	Sahih	
26	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنِ الْمُخَافَةِ	"	ST/SAD/SN/MA	Sahih	
27	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنِ الْمُخَافَةِ، وَالْمُخَاصَرَةِ، وَالْمَلَامَةِ، وَالْمُنَابَذَةِ،	"	SB	Sahih	
28	لَا تَلْقُوا الرُّكْبَانَ، وَلَا يَبِيعُ حَاضِرٌ	"	SB/SM	Sahih	
29	لَا تَلْقُوا الْجَلْبَ، فَمَنْ تَلَقَّى فَاشْتَرِ	"	SM	Sahih	
30	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ	"	SB/SM	Sahih	
31	مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الْوَلَدَةِ وَوَلَدِهَا، فَرَّقَ اللَّهُ	"	ST/MA/MH	Hasan	
32	أَمْرَيْنِ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ أَبِيعَ غُلَامَيْنِ	"	MA/MH/ST/SIM	Hasan	
33	غُلَا السُّعْرَ بِالْمَدِينَةِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ	"	ST/SAD/SIM	Sahih	
34	لَا يَحْنُكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ	"	SM	Sahih	
35	لَا تَصْرُؤُوا الْإِبِلَ وَالْغَنَمَ، فَمَنْ إِبْتَاغَهَا	"	SB/SM	Sahih	
36	مَنْ اشْتَرَى شَاةَ مُحَقَّلَةٍ	"	SB	Sahih	
37	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ	"	SM	Sahih	
38	مَنْ حَبَسَ الْعَنْبَ أَيَّامَ الْفِطَابِ حَتَّى	"	MT	Daif	
39	الْخَرَّاجُ بِالصَّمَانِ	"	ST/SAD/SN/SIM/MA/MH/SIH/MIJ	Hasan	
40	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي بِهِ	"	ST/SAD/SIM/MA	Sahih	Urwah al-Baqi
41	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي بِهِ	"	ST/SAD	Daif	Hakim bin Hizam
42	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ شِرَاءِ مَا فِي	"	SIM/SD/MA	Daif	
43	لَا تَشْتَرُوا السَّمَكَ فِي الْمَاءِ، فَإِنَّهُ	"	MA (Mawquf)	Hasan	
44	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ تُبَاعَ ثَمَرَةٌ	"	MAD	Daif	
45	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْمُضَامِينِ	"	MB	Daif	
46	مَنْ أَقَالَ مُسْلِمًا يَبِيعُهُ، أَقَالَهُ اللَّهُ	"	SAD/SIM/MH/SIH	Sahih	
47	إِذَا تَبَاعَعَ الرَّجُلَانِ، فَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا	Bab Khiyar	SB/SM	Sahih	
48	الْبَائِعِ وَالْمُبْتَاعِ بِالْخِيَارِ حَتَّى يَتَفَرَّقَا	"	ST/SAD/SN/MA/SD	Hasan	
49	إِذَا بَايَعْتَ فَقُلْ: لَا جَلَابَةَ	"	SB/SM	Sahih	
50	لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَكِلَ الرِّبَا	Bab Riba	SM	Sahih	Jabir
51	لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَكِلَ الرِّبَا	"	SB	Sahih	Abu juhaifah
52	الرَّيَا ثَلَاثَةٌ وَسَيُعَوَّنُ بَابًا أَيْسَرُهَا	"	SIM/MH	Sahih	
53	لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا	"	SB/SM	Sahih	
54	الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةَ بِالْفِضَّةِ وَالنِّزْرَ	"	SM	Sahih	
55	الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ وَزُنًا يَوْزَنُ مِثْلًا بِمِثْلِ	"	SM	Sahih	
56	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى	"	SB/SM	Sahih	
57	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الصُّبْرَةِ	"	SM	Sahih	
58	الطَّعَامَ بِالطَّعَامِ مِثْلًا بِمِثْلِ	"	SM	Sahih	
59	اشْتَرَيْتُ يَوْمَ خَيْبَرٍ قِلَادَةً بِإِثْنَيْ عَشَرَ	"	SM	Sahih	
60	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْخَيْوَانِ	"	ST/SAD/SN/MA	Sahih	
61	أَنَّ رَسُولَ ﷺ أَمَرَهُ أَنْ يُجَهَرَ جَيْشًا	"	MA/SKB	Hasan	

Bil	Pangkal hadith	Bab	Sumber	Status	Perawi
62	إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعَيْنَةِ، وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ	"	SAD	Hasan	
63	مَنْ شَفَعَ لِأَخِيهِ شَفَاعَةً، فَأَهْدَى لَهُ	"	SAD/MA	Daif	
64	لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ	"	ST/SAD	Sahih	
65	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنِ الْمَزَابِنَةِ،	"	SB/SM	Sahih	
66	سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ سُئِلَ عَنْ اشْتِرَاءِ	"	ST/SAD/SIM/SN/MA/MH/SIH	Sahih	
67	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْكَالِيِّ	"	IS/MB	Daif	
68	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ رَخَّصَ فِي الْعَرَائِيَا	Rukhsah Jual Beli Araya, Thimar dan Usul	SB/SM	Sahih	
69	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ رَخَّصَ فِي بَيْعِ الْعَرَائِيَا بِخُرُوبِهَا	"	SB/SM	Sahih	
70	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الْتِمَارِ حَتَّى يَبْدُوَ	"	SB/SM	Sahih	
71	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْتِمَارِ حَتَّى تُرْهَى	"	SB/SM	Sahih	
72	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْعِجَبِ حَتَّى يَسْوَدَّ	"	SB/SM	Sahih	
73	لَوْ بَعْتَ مِنْ أَخِيكَ ثَمْرًا فَأَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ	"	SIH/MH	Sahih	
74	مَنْ ابْتِئَاعَ تَخْلًا يَغْدُ أَنْ تُؤْتَرَ	"	SB/SM	Sahih	
75	مَنْ أَسْلَفَ فِي ثَمْرِ فَلْيُسْلِفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ	Jual Beli Salam Qard dan Rahn	SB/SM	Sahih	
76	كُنَّا نُصِيبُ الْمَغَانِمَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ	"	SB	Sahih	
77	مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا	"	SB	Sahih	
78	إِنْ فَلَانًا قَدِمَ لَهُ بَرٌّ مِنَ الشَّامِ	"	MH/SKB	Sahih	
79	الظُّهْرُ يُرْكَبُ بِفَقَّتِهِ إِذَا كَانَ مَرُهُونًا	"	SB	Sahih	
80	لَا يَغْلُقُ الرَّهْنُ مِنْ صَاحِبِهِ الَّذِي	"	MH/SD	Hasan	
81	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اسْتَسْلَفَ مِنْ رَجُلٍ بَكْرًا،	"	SM	Sahih	
82	كُلُّ قَرْضٍ جَرٌّ مُنْفَعَةٌ فَهُوَ رَبًّا	"	MHR	Daif	Ali Abi Talib
83	كُلُّ قَرْضٍ جَرٌّ مُنْفَعَةٌ فَهُوَ رَبًّا	"	SKB	Daif	Fadalah bin Ubaid
84	كُلُّ قَرْضٍ جَرٌّ مُنْفَعَةٌ فَهُوَ رَبًّا	"	SB (Mawquf)	Sahih	Abdullah bin Salam
85	مَنْ أَذْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ قَدْ	Tafelis dan Hajr	SB/SM	Sahih	
86	أَيُّمَا رَجُلٍ بَاعَ مَتَاعًا فَأَقْلَسَ الَّذِي	"	SAD/MM/SKB	Daif	
87	مَنْ أَقْلَسَ أَوْ مَاتَ فَوَجَدَ رَجُلٌ مَتَاعَهُ	"	SAD/SIM	Daif	
88	لِيُؤَادِّجَ رَجُلٌ عِرْضَهُ وَغُفُوبَتَهُ	"	SAD/SN/SIH	Hasan	
89	أَصِيبَ رَجُلٍ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي تِمَارٍ	"	SM	Sahih	
90	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ حَجَرَ عَلَى مُعَاذٍ مَالَهُ	"	SAD/MH/SD	Hasan	
91	عَرَضْتُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ يَوْمَ أُحُدٍ،	"	SAD/ST/SN/SIM/MA/MH/SIH	Sahih	
92	عَرَضْنَا عَلَى النَّبِيِّ ﷺ يَوْمَ قُرَيْظَةَ،	"	SAD/SN/SIMMA/MH	Sahih	
93	لَا يَجُوزُ لِامْرَأَةٍ عَطِيَّةٌ إِلَّا بِإِذْنِ رَوْحٍ	"	SAD/SN/SIM/MA/MH	Sahih	
94	إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَجُلُ إِلَّا لِأَخِي ثَلَاثَةً:	"	SM	Sahih	
95	الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا	Sulh	ST	Hasan	Amru bin Auf
96	الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا	"	SIH	Sahih	Abu Hurairah

Bil	Pangkal hadith	Bab	Sumber	Status	Perawi
97	لَا يَمْنَعُ جَارُ جَارِهِ أَنْ يَغْرَزَ خَشَبَةً	"	SB/SM	Sahih	
98	لَا يَجِلُّ لِأَمْرِي أَنْ يَأْخُذَ عَصَا أَخِيهِ	"	SIH/MH	Sahih	
99	مَطْلُ الْعَيْنِ ظَلَمٌ، وَإِذَا أَتَيْتُمْ أَحَدَكُمْ عَلَى مَلِيٍّ	Hawalah dan Daman	SB/SM	Sahih	
100	تُؤْفَى رَجُلٌ مَنَاءً، فَعَسَلْنَاهُ، وَحَطَّطْنَاهُ،	"	SAD/SN/MH/MA/SIH	Sahih	
101	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يُؤْتَى بِالرَّجُلِ	"	SB/SM	Sahih	
102	لَا كِفَالَةَ فِي حَدِّ	"	SKB	Daif	
103	قَالَ اللَّهُ: أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَخُنْ	Syarikah dan Wakalah	SAD/MH	Hasan	
104	أَنَّهُ كَانَ شَرِيكَ النَّبِيِّ ﷺ قَبْلَ الْبَيْعَةِ،	"	SAD/SIM/MA	Hasan	
105	اشْتَرَكْتُ أَنَا وَعِمَارٌ وَسَعْدٌ فِيمَا نَصِي	"	SN	Daif	
106	أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَأَتَيْتُ	"	SAD	Hasan	
107	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ بَعَثَ مَعَهُ بَدِينَارَ	"	SB	Sahih	
108	بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عُمَرَ عَلَى	"	SB/SM	Sahih	
109	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَحَرَ ثَلَاثًا وَسِتِّينَ، وَأَمَرَ	"	SM	Sahih	
110	وَأَعْدَى أُنْثَى عَلَى امْرَأَةٍ هَذَا، فَإِنْ	"	SB/SM	Sahih	
111	قُلِ الْحَقُّ، وَلَوْ كَانَ مُرًّا	"	SIH	Sahih	
112	عَلَى الْيَدِ مَا أَخَذْتُ حَتَّى تُؤَدِّيَهُ	`Ariyah	ST/SAD/SN/SIMMA/MH	Hasan	
113	أَدِ الْأَمَانَةَ إِلَى مَنْ ائْتَمَنَكَ، وَلَا تَخُنْ	"	ST/SAD/MH	Sahih	
114	إِذَا أَتَيْتُكَ رَسُولِي فَأَعْطِهِمْ ثَلَاثِينَ دِرْعًا	"	SAD/SN/MA/SIH	Sahih	
115	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اسْتَعَارَ مِنْهُ دُرُوعًا يَوْمَ	"	SAD/SN/MA/MH	Sahih	Safwan Umayyah
116	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اسْتَعَارَ مِنْهُ دُرُوعًا يَوْمَ	"	MH	Daif	Ibn Abbas
117	مَنْ اقْتَطَعَ شَيْئًا مِنَ الْأَرْضِ ظُلْمًا	Ghasb	SB/SM	Sahih	
118	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ عِنْدَ بَعْضِ نِسَائِهِ،	"	SB/ST	Sahih	
119	مَنْ زَرَعَ فِي أَرْضِ قَوْمٍ بغيرِ إِذْنِهِمْ،	"	ST/SAD/SIM/MA	Hasan	
120	إِنَّ رَجُلَيْنِ اخْتَصَمَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ	"	SAD	Hasan	Urwah al-Zubair
121	إِنَّ رَجُلَيْنِ اخْتَصَمَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ	"	ST/SAD/SN/SIM	Sahih	Urwah bin Said
122	إِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ	"	SB/SM	Sahih	Abu Bakrah
123	قَضَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِالشُّفْعَةِ فِي كُلِّ شَرْكَ: أَرْضٍ أَوْ	Syuf`at	SB/SM	Sahih	Jabir
124	جَارُ الدَّارِ أَحَقُّ بِالْأَرْضِ	"	SN/SIH	Daif	
125	الْجَارُ أَحَقُّ بِصَقْبِهِ	"	SB	Sahih	
126	الْجَارُ أَحَقُّ بِشَفْعَةِ جَارِهِ يُنْتَظَرُ بِهَا	"	ST/SAD/SN/SIM/MA	Sahih	
127	الشُّفْعَةُ كَحَلِّ الْعُقَالِ	"	SIM/MB	Daif	
128	ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبَرَكَهَةُ: الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ	Qirad	SIM	Daif	
129	أَنَّهُ كَانَ يَشْتَرِطُ عَلَى الرَّجُلِ إِذَا أُعْطِيَ	"	SD	Sahih	
130	أَنَّهُ عَمِلَ فِي مَالٍ لِعُثْمَانَ عَلَى أَنَّ	"	MM (mawquf)	Sahih	
131	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَامَلَ أَهْلَ خَيْبَرَ / تُؤْرَكُمْ بِهَا عَلَى ذَلِكَ مَا شِئْنَا، فَقَرُّوا	Musaqat dan Ijarah	SB/SM	Sahih	Ibn Umar
132	سَأَلْتُ رَافِعَ بْنَ خَدِيجٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ كِرَاءِ الْأَرْضِ بِالذَّهَبِ وَالْفِصَّةِ	"	SM	Sahih	
133	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنِ الْمَزَارَعَةِ	"	SM	Sahih	
134	اِخْتَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَأَعْطَى الَّذِي	"	SB	Sahih	
135	كَسَبَ الْحَبَّامُ خَبِيثًا	"	SM	Sahih	
136	قَالَ اللَّهُ ﷻ ثَلَاثَةٌ أَنَا خَصَمُهُمْ يَوْمَ	"	SM	Sahih	
137	إِنْ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ حَقًّا كِتَابَ	"	SB	Sahih	
138	أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ	"	SIM	Hasan	

Bil	Pangkal hadith	Bab	Sumber	Status	Perawi
139	مَنْ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا، فَلْيَسْلَمْ لَهُ أَجْرَهُ	"	SKB/MAB	Daif	
140	مَنْ عَمَرَ أَرْضًا لَيْسَتْ لِأَحَدٍ	Ihya` al-Mawat	SB	Sahih	
141	مَنْ أَخْبَا أَرْضًا مَيْتَةً فَهِيَ لَهُ	"	ST/SAD/SN	Sahih	
142	لَا حِمَى إِلَّا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ	"	SB	Sahih	
143	لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ	"	SIM/MA	Hasan	Ibn Abbas
144	لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ	"	MM (Mursal)	Daif	Abu Said
145	مَنْ أَخَاطَ خَائِطًا عَلَى أَرْضٍ فَهِيَ لَهُ	"	SAD/MIJ	Sahih	
146	مَنْ حَفَرَ بَيْرًا فَلَهُ أَرْبَعُونَ دِرَاعًا	"	SIM	Hasan	
147	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَقْطَعَ أَرْضًا بِحَضْرَمَوْ	"	SAD/ST/SIH	Sahih	
148	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَقْطَعَ الرَّبِيزَ حُضْرَ	"	SAD	Daif	
149	النَّاسِ شُرَكَاءُ فِي ثَلَاثَ	"	SAD/MA	Sahih	
150	إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا	"	SM	Sahih	
151	أَصَابَ عَمْرُ أَرْضًا بِخَيْبَرٍ، فَأَتَى	Waqaf	SB/SM	Sahih	
152	بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَمْرَ عَلَى	"	SB/SM	Sahih	
153	إِنِّي نَحَلْتُ ابْنِي هَذَا غُلَامًا كَانَ لِي/ فَأَنْطَلَقَ أَبِي إِلَى النَّبِيِّ ﷺ لِيُشْهَدَهُ عَلَى	Hibah, Umra dan Ruqba	SB/SM	Sahih	Nu`man Basyirra
154	الْعَائِدُ فِي هَيْبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَبْقَى، ثُمَّ يَغُو	"	SB/SM	Sahih	
155	لَا يَجِلُّ لِرَجُلٍ مُسْلِمٍ أَنْ يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ	"	ST/SAD/SN/SIM/MA/MH/SIH	Sahih	
156	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ الْهَدِيَّةُ،	"	SB	Sahih	
157	وَهَبَ رَجُلٌ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ نَاقَةً،	"	MA/SIH	Sahih	
158	الْعُمْرَى لِمَنْ وَهَبَتْ لَهُ/ أَمْسِكُوا عَلَيْكُمْ أَمْوَالَكُمْ وَلَا تُفْسِدُوا هَا/ إِنَّمَا الْعُمْرَى الَّتِي أَجَازَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ	"	SB/SM	Sahih	
159	حَمَلْتُ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَاضَاعَ	"	SB/SM	Sahih	
160	تَهَادَوْا تَحَابُّوا	"	AMB	Sahih	
161	تَهَادَوْا، فَإِنَّ الْهَدِيَّةَ تَسْلُ السَّخِيمَةَ	"	MB	Daif	
162	يَا نِسَاءَ الْمُسْلِمَاتِ ! لَا تَحْقِرَنَّ جَارَةً	"	SB/SM	Sahih	
163	مَنْ وَهَبَ هَبَةً، فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا، مَا لَمْ	"	MH	Daif	
164	مَرَّ النَّبِيُّ ﷺ بِثَمَرَةٍ فِي الطَّرِيقِ، فَقَالَ	Luqatah	SB/SM	Sahih	
165	جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَسَأَلَهُ عَنْ	"	SB/SM	Sahih	
166	مَنْ أَوْى ضَالَّةً فَهُوَ ضَالٌّ مَا لَمْ	"	SM	Sahih	
167	مَنْ وَجَدَ لَقِطَةً فَلْيُشْهَدْ ذَوِي عَدْلٍ،	"	ST/SAD/SN/SIM/SIH/SIK	Sahih	
168	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ لَقِطَةِ الْحَاجِّ	"	SM	Sahih	
169	أَلَّا لَا يَجِلُّ ذُو نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ، وَلَا	"	SAD	Sahih	
170	الْجُفُوفُ الْفَرَائِضُ بِأَهْلِهَا، فَمَا بَقِيَ فَهُوَ	Faraid	SB/SM	Sahih	
171	لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ، وَلَا يَرِثُ	"	SB/SM	Sahih	
172	لَا يَتَوَارَثُ أَهْلُ مِلَّتَيْنِ	"	SAD/SNSIM/MA	Hasan	
173	قَضَى النَّبِيُّ ﷺ لِلْإِبْنَةِ النِّصْفَ	"	SB	Sahih	
174	إِنَّ ابْنَ ابْنِي مَاتَ، فَمَا لِي مِنْ مِيرَاثِهِ	"	SAD/ST/SN/SIM/MA	Hasan	
175	أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ جَعَلَ لِلْجَدَّةِ السُّدُسَ،	"	SAD/SN	Sahih	
176	الْخَالُ وَارِثٌ مَنْ لَا وَارِثَ لَهُ	"	SAD/SN/SIM/MA/MH/SIH	Sahih	
177	كَتَبَ مَعِيَ عَمْرُ إِلَى أَبِي عُيَيْدَةَ	"	ST/SN/SIM/MA/SIH	Sahih	
178	إِذَا اسْتَهْلَ الْمَوْلُودُ وَرَثَ	"	ST/SIH	Sahih	
179	لَيْسَ لِلْقَاتِلِ مِنَ الْمِيرَاثِ شَيْءٌ	"	SN/SD (Mawquf)	Hasan	
180	مَا أَحْرَزَ الْوَالِدُ أَوْ الْوَلَدُ فَهُوَ لِعَصَبَتِهِ	"	SAD/SN/SIM	Hasan	
181	الْوَلَاءُ لِحِمَةٍ كُلِّ حِمَةٍ النَّسَبِ، لَا يَبَاعُ،	"	MH/SIH/SKB	Hasan	
182	أَفْرَضْتُكُمْ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ	"	ST/SAD/SN/SIM/MH/MA/SIH	Daif	
183	مَا حَقَّ امْرَأَتِي مُسْلِمٌ لَهُ شَيْءٌ يُرِيدُ أَنْ	Wasaya	SB/SM	Sahih	
184	أَنَا ذُو مَالٍ، وَلَا يَرِثُنِي إِلَّا ابْنَتِي لِي	"	SB/SM	Sahih	
185	إِنَّ أُمِّي أَقْبَلْتُ نَفْسَهَا وَلَمْ تُوصَ	"	SB/SM	Sahih	

Bil	Pangkal hadith	Bab	Sumber	Status	Perawi
186	إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ دَنِيٍّ حَقَّهُ،	"	ST/SAD/SIM/MA/SIK	Hasan	
187	إِلَّا أَنْ يَشَاءَ الْوَرِثَةُ	"	SD	Daif	
188	إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ بِثَلَاثِ أَمْوَالِكُمْ	"	SD	Hasan	Muaz
189	إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ بِثَلَاثِ أَمْوَالِكُمْ	"	MA/MB	Daif	Abu Darda`
190	إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ بِثَلَاثِ أَمْوَالِكُمْ	"	SIM	Hasan	Abu Hurairah
191	مَنْ أَوْدَعَ وَدِيعَةً فَلَيْسَ عَلَيْهِ صَمَانٌ	Wadi`ah	SIM	Hasan	

SB: Sahih al-Bukhari⁷, SM: Sahih Muslim⁸, ST: Sunan al-Tirmidhi⁹, SAD: Sunan Abu Dawud¹⁰, SN: Sunan al-Nasa'i¹¹, SIM: Sunan Ibn Majah¹², MA: Musnad Ahmad¹³, MM: Muwatta' Malik¹⁴, MH: Mustadrak al-Hakim¹⁵, SD: Sunan al-Daraqutni¹⁶, SKB: Sunan Kubra li al-Baihaqi¹⁷, SDM: Sunan al-Darimi¹⁸, MB: Musnad al-Bazzar¹⁹, SIH: Sahih Ibn Hibban²⁰, SIK: Sahih Ibn Khuzaimah²¹, MS: Musnad al-Syafi'i²², US: al-Umm li al-Syafi'i²³, MT: Mu'jam al-Tabarani²⁴, MAD: al-Marasil Abu Dawud²⁵, MHR: Musnad al-Harith bin Abu Usamah²⁶, MAB: Musannaf Abd al-Razzaq²⁷, MIBS: Musannaf Ibn Abi Syaibah²⁸, MIJ: Muntaqa Ibn al-Jarud²⁹, MAT: Ma'ani al-Athar li al-Tahawi³⁰, AMB: al-Adab al-Mufrad oleh al-Bukhari³¹.

- ⁷ Muhammad bin Ismail Bukhari, al-, *Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007).
- ⁸ Muslim bin Hajjaj, *Sahih Muslim* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1995).
- ⁹ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi, Tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011).
- ¹⁰ Abu Daud Sijistani, al-, *Sunan Abi Daud* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1997).
- ¹¹ al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1999).
- ¹² Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah* (Beirut: Dar al-Fikr, 2003).
- ¹³ Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad* (Kaherah: Dar al-Hadith, 1995).
- ¹⁴ Malik bin Anas, *Muwatta' Malik* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1993).
- ¹⁵ al-Hakim, *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, n.d.).
- ¹⁶ al-Daraqutni, *Sunan al-Daraqutni*, ed. Majdi Mansur Sayyid Al-Syura (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011).
- ¹⁷ al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra, Tahqiq Muhammad Abd al-Qadir Ata* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994).
- ¹⁸ al-Darimi, *Sunan al-Darimi, Tahqiq Sayyid Ibrahim dan Ali Muhammad Ali* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2000).
- ¹⁹ al-Hafiz, Abu Bakr Ahmad bin 'Amr, *Al-Bahr Al-Zakhkhar, Tahqiq Dr. Mahfuz Al-Rahman Zainullah* (al-Madinah al-Munawara: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, t.t.).
- ²⁰ Ibn Hibban, *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balaban* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1993).
- ²¹ Ibn Khuzaimah, *Sahih Ibn Khuzaimah* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 2003).
- ²² al-Syafi'i, *Musnad Al-Imam Al-Syafi'i* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, n.d.).
- ²³ al-Syafi'i, Muhammad bin Idris, *al-Umm* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993).
- ²⁴ al-Tabarani, *Al-Mu'jam Al-Awsat* (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1985).
- ²⁵ al-Sijistani, Abu Daud Sulayman ibn al-Ash'ath, *Kitab Al-Marasil* (Majma' al-Buhuth al-Islamiyah, 1988).
- ²⁶ al-Harith, Abu Muhammad bin Abu Usamah, *Bughyat al-Bahith 'an Zawa'id Musnad al-Harith, Tahqiq Dr Hussin al-Bakiri* (al-Madinah al-Munawwarah: Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah, 1992).
- ²⁷ al-San'ani, Abd al-Razzaq bin Hamam, *Musannaf Abd al-Razzaq, Tahqiq Hamad bin Abdullah al-Jumu'ah* (Dar al-Rusyd, 2015).
- ²⁸ Abdullah Ibn Abi Syaibah, *al-Musannaf, Tahqiq Hamad Abdullah al-Jumu'ah* (Dar al-Ta'sil, 2004).
- ²⁹ al-Jarud, Abdullah bin Ali Ibn, *Muntaqa Ibn al-Jarud* (Markaz al-Buhuth: Dar al-Ta'sil, 2014).
- ³⁰ al-Tahawi, Ahmad bin Salamah, *Syarh Ma'ani al-Athar, Tahqiq Muhammad al-Zuhri al-Najjar et.al.* (Alim al-Kutub, 1994).
- ³¹ al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *al-Adab al-Mufrad, Tahqiq Muhammad Bin Fuad Abd al-Baqi* (Maktabah al-Salafiyyah, t.t.).

ANALISIS HADITH-HADITH 'KITAB JUAL BELI'

Berdasarkan dapatan kajian didapati sejumlah 191 buah hadith telah dimuatkan oleh al-Hafiz ibn Hajar dalam 'kitab Jual Beli' dan dijadikan sebagai hadith asas kepada perbincangan mengenai jual beli. Ia termasuk hadith berulang sebanyak 11 buah. Ini bermakna tanpa hadith berulang terdapat 180 hadith sahaja yang dimuatkan dalam 'Kitab Jual Beli'. Selain hadith asas dalam setiap bab, terdapat sejumlah 5 hadith tambahan sebagai sokongan kepada hadith asas sama ada disebut sebagai syahid³² atau mutaba'at³³. Mengenai status dan martabat setiap hadith, daripada 191 hadith asas, sebanyak 133 hadith atau 70% adalah hadith sahih, 30 hadith atau 16% adalah hadith hasan dan 28 hadith atau 14% adalah hadith daif. Tidak ada satu pun hadith maudu' yang dimuatkan dalam 'Kitab Jual Beli'. Ia menunjukkan keilmuan dan kepakaran al-Hafiz Ibn Hajar dalam bidang hadith serta keprihatinan beliau terhadap pemilihan dan periwayatan hadith. Namun demikian, al-Hafiz Ibn Hajar tidak membataskan pemilihannya hanya kepada hadith marfu' sahaja, iaitu hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah sahaja. Malah terdapat beberapa hadith mawquf yang dijadikan sebagai hadith asas dalam perbincangan jual beli meskipun jumlahnya terlalu kecil iaitu tidak lebih daripada 5 hadith sahaja. Misalannya hadith ke 84 dan 179 yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Salam ra. Antara tujuan disebut hadith mawquf berkemungkinan bertujuan menyokong hadith-hadith marfu' tetapi daif.

Dalam penulisan hadith, al-Hafiz Ibn Hajar menggunakan metode penyebutan hadith secara ta'liq, iaitu dengan membuang keseluruhan sanad hadith kecuali sahabat atau tabi'in. Jika yang disebut hanya sahabat sahaja dinamakan hadith mu'allaq dan jika yang disebut hanya tabi'in sahaja dinamakan hadith mursal. Kedua-dua jenis hadith ini adalah sebahagian daripada hadith daif disebabkan sanad yang terputus. Namun oleh kerana beliau membuang sanad bertujuan meringkaskan kitabnya selain dari disebut dengan *sighah jazam* atau lafaz yang meyakinkan, maka ia sama sekali tidak menjejaskan kesahihan hadith-hadith tersebut. Apatah lagi beliau menyatakan sumber ambilan setiap hadith secara jelas bagi memudahkan para pembaca merujuk sanad hadith yang lengkap. Metode adalah menepati kaedah penulisan hadith dalam kalangan *muhaddithin mutakhirin*. Daripada 191 hadith yang dimuatkan, terdapat sebanyak 26 sumber ambilan hadith yang terdiri dari kitab-kitab hadith yang muktabar dan masyhur. Kitab-kitab hadith tersebut ialah Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i, Sunan ibn Majah, Musnad Ahmad, Mustadrak al-Hakim, Muwatta' Malik, Sunan al-Daraqutni, al-Sunan al-Kubra karya al-Baihaqi, Sunan al-Darimi, Musnad al-Bazzar, Sahih Ibn Hibban, Sahih Ibn Khuzaimah, Musnad al-Syafi'i, al-Umm oleh al-Syafi'i, Mu'jam al-Tabarani (al-Kabir, al-Awsat dan al-Saghir), al-Marasil karya Abu Daud, Musnad al-Harith bin Abi Usamah,

³² Syahid atau Syawahid ialah dua orang sahabat atau lebih meriwayatkan sebuah hadith dengan lafaz yang sama atau dengan maknanya. Setiap seorang daripada mereka merupakan syahid kepada yang lain, contoh: Hadith riwayat Anas: "لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من ماله والناس أجمعين". Hadith ini turut diriwayatkan sahabat lain 'Abdullah Bin Hisham dengan lafaz: "لا يؤمن أحدكم حتى أكون عنده أحب إليه من نفسه".

³³ Mutaba'at ialah perkongsian dua orang perawi dalam meriwayatkan hadith yang sama daripada seorang sahabat melalui syeikh yang sama. Sebagai contoh hadith yang diriwayatkan oleh Syu'bah bin al-Hajjaj daripada Qatadah daripada Salim bin Abi al-Ju'd daripada Mi'dan bin Abu Talhah daripada Abu Darda' daripada Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Adakah lemah bagi salah seseorang daripada kamu untuk membaca pada satu malam satu pertiga al-Quran? Sahabat-sahabat bertanya bagaimana dibaca satu pertiga al-Quran? Rasulullah SAW menjawab "قل هو الله أحد" menyamai satu pertiga al-Quran. Hadith ini diriwayatkan juga oleh Aban al-'Attar daripada Qatadah. Maka dalam hal ini Aban dianggap Mutabi' kepada Syu'bah bin al-Hajjaj dan Syu'bah pula Mutabi' kepada Aban. Kedua-dua mereka meriwayatkan hadith ini daripada guru yang sama iaitu Qatadah.

Musannaf Abd al-Razzaq al-San`ani, Musannaf Ibn Abi Syaibah, al-Muntaqa Fi al-Ahkam oleh Ibn al-Jarud, Ma`ani al-Athar oleh al-Tahawi, al-Adab al-Mufrad oleh al-Bukhari. Selain dari itu, al-Hafiz Hajar juga merujuk kepada beberapa nama yang tidak diketahui kitabnya seperti Ishaq bin Rahuyah dan Ibn al-Qattan al-Fasi.

Manakala pemilihan hadith mengikut tema atau bab jual beli, boleh dikatakan hampir kesemua hadith yang dipilih atau 95% adalah relevan dan mempunyai kaitan dengan bab jual beli sama ada secara langsung atau tidak. Selebihnya walaupun tidak mempunyai kaitan dengan jual beli, tetapi ia mempunyai hubungan dengan bab atau sub topik kepada 'Kitab Jual Beli'. Meskipun bab tersebut tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan jual beli. Misalannya ialah bab taflis dan Hajr, sulh, ikrar, wasaya, faraid dan wadi`ah. Jika kita melihat kepada kitab-kitab hadith yang masyhur, bab-bab tersebut diletak secara berasingan daripada bab jual beli. Sebagai contoh hadith 94 daripada Qabisah bin al-Mukhariq ra dalam 'Bab Taflis dan Hajr', di mana hadith ini melarang daripada meminta-minta kecuali kepada tiga golongan yang secara tekstual tiada kaitan dengan jual beli. Meskipun hadith ini sesuai dengan bab taflis, tetapi ia tiada kaitan secara langsung dengan jual beli. Justeru Imam Muslim meletakkan hadith ini dalam Kitab al-Zakat. Contoh lain ialah hadith 97 daripada Abu Hurairah ra dalam 'Bab Sulh' yang menjelaskan tentang larangan menghalang jiran daripada meletak kayu pada tembok atau dinding rumahnya. Meskipun ia mempunyai kaitan dengan bab Sulh atau perdamaian, tetapi tiada kaitan secara langsung dengan jual beli. Justeru al-Bukhari meletak hadith ini dalam 'Kitab al-Mazalim', manakala Muslim meletak hadith ini dalam 'Kitab al-Musaqat'. Begitu juga dengan hadith 110 daripada Abu Hurairah dalam 'Bab Wakalah' yang menyatakan bahawa Rasulullah saw mewakilkan kepada seorang sahabat dalam menghukum dan melaksanakan hukum rejam ke atas seorang pezina. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam 'Kitab al-Hudud'. Manakala hadith 111 daripada Abu Zarr ra dalam 'Bab Ikrar' yang menerangkan tentang kewajipan menyata kebenaran walaupun pahit. Ia mungkin sesuai dengan bab ikrar atau pengakuan tetapi tiada kaitan secara langsung dengan jual beli. Justeru hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Hibban dalam 'kitab al-Birr wa al-Ihsan'.

PENUTUP

Kitab Bulughul Maram adalah sebuah kitab hadith ahkam yang paling masyhur dan paling lengkap yang meliputi hampir kesemua persoalan agama termasuk persoalan jual beli. Manakala majoriti hadith-hadith yang dimuatkan di dalamnya adalah sahih. 70% daripada hadith-hadith di dalam 'Kitab Jual Beli' adalah sahih dan selebihnya adalah hasan dan daif serta tiada satu pun hadith mawdu`. Kebanyakan sumber ambilan hadith adalah terdiri daripada kitab-kitab hadith berautori dan muktabar seperti sunan sittah. Hampir kesemua hadith-hadith yang menjadi pilihan adalah relevan dengan bab jual beli kecuali beberapa hadith. Kesimpulannya Kitab Bulughul Maram adalah sebuah kitab yang amat sesuai dijadikan panduan kepada umat Islam dalam kehidupan bersyariat tanpa mengira mazhab.

PENGHARGAAN

Artikel ini hasil daripada penyelidikan di bawah RU Geran (GPF) GPF010L-2018 bertajuk: "Koleksi Hadith-Hadith Hukum: Satu Analisis Dari Kitab Jual Beli dan Nikah Daripada Kitab Bulughul Maram"

RUJUKAN

- Ahmad bin Hanbal. *Musnad Ahmad*. Kaherah: Dar al-Hadith, 1995.
- Baihaqi, al-. *Al-Sunan Al-Kubra, Tahqiq Muhammad Abd Al-Qadir Ata*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1994.
- Bukhari, al-, Muhammad bin Ismail. *Al-Adab Al-Mufrad, Tahqiq Muhammad Bin Fuad Abd Al-Baqi*. Maktabah al-Salafiyyah, n.d.
- . *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2007.
- Daraqutni, al-. *Sunan Al-Daraqutni*. Edited by Majdi Mansur Sayyid Al-Syura. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2011.
- Darimi, al-. *Sunan Al-Darimi, Tahqiq Sayyid Ibrahim Dan Ali Muhammad Ali*. Kaherah: Dar al-Hadith, 2000.
- Hafiz, al-, Abu Bakr Ahmad bin `Amr. *Al-Bahr Al-Zakhkhar, Tahqiq Dr. Mahfuz Al-Rahman Zainullah*. al-Madinah al-Munawara: Maktabah al-`Ulum wa al-Hikam, n.d.
- Hakim, al-. *Al-Mustadrak `ala Al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Ma`rifah, n.d.
- Harith, al-, Abu Muhammad bin Abu Usamah. *Bughyat Al-Bahith `an Zawa'id Musnad Al-Harith, Tahqiq Dr Hussin Al-Bakiri*. al-Madinah al-Munawwarah: Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah, 1992.
- Ibn Abi Syaibah, Abdullah. *Al-Musannaf, Tahqiq Hamad Abdullah Al-Jumua`ah*. Dar al-Ta`sil, 2004.
- Ibn al-Jarud, Abdullah bin Ali. *Muntaqa Ibn Al-Jarud*. Markaz al-Buhuth: Dar al-Ta`sil, 2014.
- Ibn Hibban. *Sahih Ibn Hibban Bi Tartib Ibn Balaban*. Beirut: Mu`assasah al-Risalah., 1993.
- Ibn Khuzaimah. *Sahih Ibn Khuzaimah*. Beirut: al-Maktab al-Islami, 2003.
- Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr, 2003.
- Malik bin Anas. *Muwatta' Malik*. Beirut: Mu`assasah al-Risalah, 1993.
- Muslim bin Hajjaj. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1995.
- Nasa'i, al-. *Sunan Al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Ma`rifah, 1999.
- San`ani, al-, Abd al-Razzaq bin Hamam. *Musannaf Abd Al-Razzaq, Tahqiq Hamad Bin Abdullah Al-Jumu`ah*. Dar al-Rusyd, 2015.
- Sijistani, al-, Abu Daud. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1997.
- Sijistani, al-, Abu Daud Sulayman ibn al-Ash`ath. *Kitab Al-Marasil*. Majma` al-Buhuth al-Islamiyah, 1988.
- Syafi'i, al-, Muhammad bin Idris. *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1993.
- Syafi'i, al-. *Musnad Al-Imam Al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, n.d.
- Tabarani, al-. *Al-Mu`jam Al-Awsat*. Riyadh: Maktabah al-Ma`arif, 1985.
- Tahawi, al-, Ahmad bin Salamah. *Syarh Ma`ani Al-Athar, Tahqiq Muhammad Al-Zuhri Al-Najjar et. Al. `Alim al-Kutub*, 1994.
- Tirmidhi, al-. *Sunan Al-Tirmidhi, Tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2011.